

Malaysia pintu masuk ke pasaran ASEAN

UM - 21/7/2007.

FUKUOKA (Jepun) 20 Julai - Kedudukan strategik Malaysia di tengah ASEAN menyediakan pintu masuk yang unggul ke pasaran serantau yang sedang berkembang dengan 560 juta penduduk, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini.

Bagi firma Jepun yang berminat mengembangkan perusahaan ke pasaran yang berkembang itu, rantau ASEAN, yang mempunyai kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) digabungkan sebanyak AS\$1,064 bilion, adalah pasaran yang tidak patut dilepaskan, katanya.

Kebanyakan tarif dalam ASEAN akan dihapuskan apabila Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (FTA) direalisasikan sepenuhnya menjelang 2010 dan di samping itu, ASEAN dijangka menjadi komuniti ekonomi menjelang 2015, menghasilkan sebuah pasaran tunggal, kata Rafidah.

Inisiatif seumpama itu akan membolehkan pengaliran barangan, perkhidmatan, pelaburan dan buruh mahir dan juga pengaliran modal yang lebih bebas, katanya kepada kira-kira 300 peserta seminar 'Peluang Pelaburan di Malaysia' di sini.

Malaysia mengeksport kira-kira 20 peratus daripada keluarannya ke pasaran ASEAN, yang sebaliknya ASEAN mengadakan perundingan FTA dengan Jepun, India, Australia dan New Zealand, kata Rafidah.

"Penghasilan FTA, khususnya dengan China dan India, yang bersama-sama mempunyai pasaran lebih daripada 2.3 bilion orang, menyediakan peluang yang luas bagi syarikat asing, termasuk Jepun di ASEAN, khususnya Malaysia," kata beliau.

Menteri itu mengetuai misi perdagangan dan pelaburan yang bermula 15 Julai. Fukuoka, di Pulau Kyushu, Jepun, menempatkan bukan sahaja sektor pembuatan tradisional tetapi juga industri baru seperti bioteknologi, nanoteknologi dan robotik.

Ini merupakan perhentian kedua terakhir rombongan itu sebelum Hong Kong, selepas singgah di Seoul, Korea Selatan, dan Tokyo, ibu negara Jepun.

Turut menganggotai rombongan itu ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia, Datuk R. Karunakaran, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, Datuk Noharuddin Nordin, pegawai-pegawai kerajaan lain dan wakil daripada sektor swasta.

Turut hadir pada seminar hari ini ialah Gabenor Fukuoka Prefecture, Wataro Aso dan Setiausaha Agung Pusat ASEAN-Jepun Nobutoshi Akao.

Malaysia dan Jepun menyambut 50



RAFIDAH AZIZ

tahun perhubungan diplomatik. Jepun, yang merupakan ekonomi kedua terbesar dunia, merupakan peserta utama dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Mengenai masa depan, ASEAN juga bersetuju melaksanakan kelonggaran sehingga 70 peratus kepentingan ekuiti menjelang 2010 dalam sektor penjagaan kesihatan, pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan e-ASEAN, dan beberapa sektor lain menjelang 2015.

Di pihak Malaysia, Rafidah berkata, Kerajaan Malaysia akan memastikan adanya tenaga manusia mahir bagi menampung keperluan industri baru, terutamanya industri berteknologi tinggi.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan memperuntukkan AS\$12.1 bilion atau 22.5 peratus daripada keseluruhan peruntukan belanjawan bagi pembangunan modal insan untuk firma asing, termasuk yang mahir dalam etika kerja dan kebudayaan Jepun.

Malaysia, katanya, juga komited dalam memastikan persekitaran yang sesuai bagi penyelidikan dan pembangunan, terutamanya dengan memberi perlindungan bagi hak harta intelek.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Jepun tahun lalu bernilai AS\$31.5 bilion, meningkat sebanyak 2.3 peratus dari AS\$30.8 bilion pada 2005.

Jepun ialah rakan perdagangan dan pasaran eksport ketiga terbesar Malaysia, dan sumber import terbesar.

Eksport ke Jepun berjumlah AS\$14.2 bilion tahun lalu berbanding dengan AS\$13.6 bilion pada 2005, iaitu peningkatan 4.4 peratus, manakala import berjumlah AS\$17.3 bilion.

- Bernama